

NO. SOALAN: 37

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
[JELEBU]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah benar sistem perundangan dan kehakiman negara kita sudah terhakis atau ia hanyalah satu persepsi buruk sahaja akibat tindakan sesetengah pihak. Apakah punca dan sebab kenapa terjadi sedemikian dan apakah usaha Kerajaan untuk mendepani keadaan ini.

JAWAPAN: PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara. Sistem demokrasi berparlimen melibatkan pembahagian kuasa antara tiga badan dalam suatu pemerintahan, iaitu Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman.
2. Badan Perundangan berperanan sebagai penggubal undang-undang bagi Persekutuan dan Negeri. Badan ini terdiri daripada Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Badan ini juga terlibat dalam memeriksa dasar Kerajaan, meluluskan perbelanjaan Kerajaan, meluluskan hasil cukai yang baru dan menjadi menjadi forum untuk membincangkan perkara yang berkaitan dengan kepentingan awam.
3. Badan Kehakiman pula berperanan untuk memastikan Perlembagaan Persekutuan dipatuhi dan keadilan ditegakkan mengikut peruntukan undang-undang. Selain berperanan membicarakan segala masalah perundangan yang timbul antara individu-individu dan antara individu dengan negara, Badan Kehakiman melalui mahkamah juga berperanan untuk mentafsir undang-undang.

4. Fasal (2) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa dan fungsi Peguam Negara iaitu untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang (*legal matters*), dan melaksanakan apa-apa tugas lain yang bersifat undang-undang (*legal character*).
5. Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang asas dan teras untuk mentadbir negara dan adalah undang-undang utama Negara. Pembahagian kuasa kepada Badan Perundangan dan Badan Kehakiman adalah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan di negara ini menjamin tidak berlakunya campur tangan kuasa antara eksekutif, kehakiman dan perundangan. Sistem perundangan dan kehakiman negara juga adalah bebas dan tidak terikat dengan sesiapa sahaja. Oleh itu tidak timbul isu sistem perundangan dan kehakiman negara sudah terhakis kerana Perlembagaan Persekutuan yang menentukan kuasa dan peranan Badan Perundangan dan Badan Kehakiman.
6. Objektif utama sistem perundangan dan kehakiman negara adalah untuk memberikan keadilan dan mengekalkan undang-undang serta ketenteraman awam demi kestabilan dan keamanan sesebuah negara. Di samping itu, doktrin pengasingan kuasa yang diamalkan oleh negara kita juga memastikan setiap cabang Eksekutif, Legislatif dan Kehakiman dapat menjalankan tugas masing-masing secara bebas dan berkecuali.
7. Persepsi buruk terhadap sistem perundangan dan kehakiman negara berkemungkinan disebabkan kurangnya kesedaran atau kefahaman

masyarakat mengenai fakta sebenar sesuatu kes dan asas yang membolehkan sesuatu tindakan pendakwaan diambil juga penjalanan perbicaraan di mahkamah termasuk ketidakpuasan hati terhadap penghakiman mahkamah. Penyebaran maklumat yang tidak berasas melalui media sosial turut menyumbang kepada wujudnya persepsi negatif tersebut.

8. Keputusan mahkamah dibuat berdasarkan hujahan pihak-pihak dan keterangan yang dikemukakan di mahkamah. Mahkamah bebas membuat penilaian ke atas keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan seterusnya membuat keputusan berdasarkan keterangan tersebut. Alasan penghakiman yang disediakan bagi kes-kes yang dirayukan tertakluk kepada penelitian ketat oleh Mahkamah di peringkat rayuan. Keputusan yang khilaf atau tidak sah di sisi undang-undang akan diperbetulkan melalui proses undang-undang. Oleh itu dakwaan bahawa sistem kehakiman negara telah terhakis adalah tidak berasas.

9. Berhubung dengan pendakwaan pula, sekiranya terdapat keterangan dan bukti yang kukuh bahawa mana-mana individu telah melakukan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang, individu tersebut akan didakwa mengikut peruntukan undang-undang tersebut tanpa mengira statusnya. Prinsip yang sama adalah terpakai bagi penguatkuasaan semuau undang-undang jenayah di Negara ini.

10. Keputusan sama ada untuk mengemukakan pertuduhan atau tidak terhadap mana-mana orang adalah berdasarkan kepada keterangan dan fakta kejadian, dan bukanlah atas desakan oleh mana-mana pihak atau

apa-apa faktor yang lain. Keputusan tersebut dibuat dengan adil, tidak memihak kepada sesiapa dan berlandaskan teras intergriti bagi memastikan mangsa, saksi, tertuduh dan orang awam memperoleh keadilan dengan sewajarnya.

11. Kedua-dua Badan Perundangan dan Kehakiman sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk mempertingkatkan kepercayaan orang awam terhadap sistem perundangan dan kehakiman Negara. Antaranya adalah penggubalan undang-undang berhubung dengan pelantikan hakim, iaitu Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 [Akta 695] di samping usaha-usaha berterusan untuk mempertingkatkan profesionalisma pegawai undang-undang.

Sekian, terima kasih.